



Rujukan : UKM KPD/262/3
Tarikh : 4 Januari 2017

Semua Pelajar
Program Siswazah Sepenuh Masa
Fakulti Teknologi dan Sains Maklumat
Universiti Kebangsaan Malaysia.

Saudara/i,

MAKLUMAT PENTING SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2016-2017

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

Adalah dimaklumkan bahawa perkuliahan semester 2 sesi akademik 2016-2017 akan bermula **13 Februari 2017**. Sehubungan dengan itu, bagi melancarkan perjalanan proses pembelajaran semester hadapan maka disenaraikan perkara penting untuk makluman dan peringatan bersama.

1. PENDAFTARAN KURSUS SEMESTER 2 SESI AKADEMIK 2016-2017

Saudara/i boleh mendaftar kursus bermula **11 Februari 2017**. Sila rujuk tarikh-tarikh penting semester 2 sesi 2016/2017 di laman web PKP sebagai panduan.

2. JADUAL PERKULIAHAN

Sila rujuk jadual perkuliahan di laman web PKP. Pelajar juga dinasihatkan menyemak jadual kuliah sebelum hadir ke kuliah untuk sebarang makluman terkini.

3. YURAN PENGAJIAN

Sila buat pembayaran yuran sekurang-kurangnya 50% daripada yuran semester sebelum **31 Januari 2017**. Kaedah pembayaran yuran boleh dirujuk pada Peraturan Am Kewangan Pelajar di muka utama laman web PKP. Pelajar boleh menyemak penyata kewangan menggunakan sistem KewPKP. Sistem ini boleh dicapai dari muka utama laman web PKP. Pengenalan dan katalaluan adalah sama dengan SMPE.

Sila abaikan makluman ini jika saudara/i telah menamatkan pengajian pada semester 1 sesi akademik 2016-2017.

Selamat maju jaya dalam menghadapi pembelajaran untuk masa hadapan.

Sekian, terima kasih.

Yang benar,


PROF. DR. NORHAIDI MUHAMAD
Pengarah

- s.k.
- Penyelaras Program
 - Ketua Bahagian Pengurusan Akademik, PKP
 - Ketua Bahagian Kewangan, PKP

PUSAT KEMBANGAN PENDIDIKAN

Aras 2, Bangunan Wawasan, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan Malaysia
Telefon: +603-8921 4073 Faksimili: +603-8925 1391 E-mel: pghkmbgn@ukm.edu.my Laman Web: <http://www.ukm.my/pkp>